NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/10/2010

Najib ambil risiko perincikan sasaran Program Transformasi Kerajaan

UM-26/10/2010

KUALA LUMPUR 25 Okt. – Datuk Seri Najib Tun Razak mengakui beliau telah mengambil risiko apabila memperincikan sasaran dan objektif Program Transformasi Kerajaan (ETP) dalam sebuah dokumen yang lengkap.

Bagaimanapun Perdana Menteri menegaskan, langkah itu adalah satu bukti bahawa kerajaan telus dan bersedia memenuhi janjinya kepada rakyat.

"Saya sendiri sebagai Perdana Menteri sebenarnya telah mengambil risiko dengan memperincikan secara nyata sasaran dan objektif dalam dokumen hala tuju yang panjang lebar ini.

"Sesungguhnya penerbitan dokumen hala tuju yang sebegini terperinci merupakan bukti keyakinan saya terhadap kebolehan setiap rakyat Malaysia sama ada yang bekerja di sektor swasta mahupun awam untuk sama-sama berganding bahu menjayakan program ini," katanya sewaktu melancarkan Buku Hala Tuju ETP di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ketua pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Datuk Seri Idris Jala dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, beliau sedar dalam setiap haluan transformasi, akan ada pihak minoriti yang berasa ragu dan tidak yakin dengan pencapaian yang bakal diperoleh daripada ETP.

Beliau berkata, biasanya golongan berkenaan lebih lantang daripada golongan majoriti yang sebenarnya mempunyai keyakinan namun mengambil pendekatan berdiam diri.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri menegaskan, ETP membuktikan bahawa masa depan yang cerah bagi negara bukanlah mimpi atau dongengan semata-mata.

Katanya, pelan hala tuju ETP bukanlah satu pernyataan hasrat yang kabur tetapi satu peta panduan yang cukup jelas dan tersusun bagi menjulang martabat negara di mata dunia.

"Maka dengan itu saya ingin menyeru segenap lapisan rakyat Malaysia, yakinlah bahawa masanya telah tiba untuk melenyapkan rasa ragu dan curiga.

"Usah kita terus bergelut dengan percakapan dan perbalahan kosong, hentikanlah suara-suara sumbang dan senyuman-senyuman sinis yang menyempitkan hati dan mematikan azam," katanya.

Sementara itu pada sidang akhbar selepas majlis berkenaan, Perdana Menteri memberitahu, sudah wujud tanda-tanda positif kembalinya pelaburan asing langsung (FDI) yang berkualiti ke negara ini.

Katanya, perkembangan itu adalah rentetan usaha kerajaan mengenal pasti projek-projek yang menjadi minat kepada mereka.

"Kita sebenarnya telah mengenal pasti kemungkinan yang sebenar dan menarik, di mana pelabur asing boleh mendapat pulangan yang baik," katanya.